


# TAPISAN KEUTUHAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) BAGI PERMOHONAN PERSARAAN PILIHAN

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai pihak berkuasa pencen telah memutuskan tapisan keutuhan SPRM bagi permohonan persaraan pilihan perlu ditambahbaik.

Selaras dengan keputusan tersebut, adalah diputuskan untuk semua permohonan persaraan pilihan bagi semua pegawai di semua gred jawatan perlu melalui tapisan keutuhan SPRM sebelum permohonan persaraan pilihan pegawai dikemukakan ke JPA/KWAP.

Syarat baharu ini akan berkuatkuasa bagi permohonan persaraan pilihan yang diterima JPA/KWAP bermula 1 Januari 2022.

Dilampirkan surat hebahan daripada pihak JPA untuk makluman semua Warga MATRADE.





**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA**  
**PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA**  
Blok C1 - C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
Faks (Fax): 603-88894619  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

---

No. Ruj. : JPA/PEN(S)228/25/5-11(27)  
Tarikh : 20 September 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Pentadbir Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan/ Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

#### **TAPISAN KEUTUHAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BAGI PERMOHONAN PERSARAAN PILIHAN**

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan sedia maklum, Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980 (Akta 239) telah memperuntukkan pegawai/ pekerja boleh memohon bersara pilihan apabila atau selepas mencapai umur 40 tahun. Akta yang sama juga turut memperuntukkan pemberian faedah persaraan boleh diberikan sekiranya berkhidmat selama tidak kurang daripada 10 tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira.

3. Proses permohonan persaraan pilihan telah dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2003 Panduan Pengurusan Persaraan Dan Pencen. Syarat-syarat bagi permohonan persaraan pilihan jua telah dikemaskini melalui ruangan G Borang Maklumat Pesara (JPA.BP.SP.PP.B01a). Antara syarat yang mesti dipatuhi adalah melepasi tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iaitu terhad kepada gred 27 dan ke atas sahaja.

4. Sehubungan itu, JPA sebagai pihak berkuasa pencen telah memutuskan tapisan keutuhan SPRM bagi permohonan persaraan pilihan perlu ditambahbaik. Selaras dengan keputusan tersebut, **adalah diputuskan untuk semua permohonan persaraan pilihan bagi semua pegawai di semua gred jawatan perlu melalui tapisan keutuhan SPRM sebelum permohonan persaraan pilihan pegawai dikemukakan ke JPA/KWAP. Syarat baharu ini akan berkuatkuasa bagi permohonan persaraan pilihan yang diterima JPA/KWAP bermula 1 Januari 2022.**

5. Sebagai makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan juga, **tempoh sahlaku tapisan keutuhan SPRM adalah terhad kepada enam (6) bulan daripada tarikh ia dikeluarkan.** Syarat-syarat persaraan pilihan yang lain masih terpakai dan berkuatkuasa.

6. Pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan adalah dimohon untuk memanjangkan perkara ini kepada agensi/ jabatan di bawah seliaan masing-masing. Kerjasama yang bakal diberikan berhubung perkara ini amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MOHD SHAIFUL BIN IBRAHIM)**

Pengarah  
Bahagian Pasca Perkhidmatan  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**

Salinan kepada:

1. YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
2. Ketua Pesuruhjaya  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
Ibu Pejabat SPRM  
No.2, Lebu Wawasan, Presint 7  
62250 PUTRAJAYA
3. YBhg. Datuk Seri Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
(Pembangunan)
4. YBhg. Datuk Dr. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)
5. Ketua Pegawai Eksekutif  
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)  
Aras 36, Menara Integra, The Intermark  
348, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur